

Mahkamah Tinggi mengeluarkan injunksi bersejarah terhadap Kementerian Pendidikan kerana intimidasi saksi dan “menjejaskan pentadbiran keadilan yang sewajarnya” dalam litigasi guru yang tidak hadir selama berbulan-bulan di Sabah

2 September 2022

- Injunksi bersejarah yang tidak pernah berlaku telah dikeluarkan terhadap Kementerian Pendidikan yang mengancam, mengganggu, dan menekan Plaintiff untuk menarik balik litigasi mereka.
- Plaintiff tahun 2020 mengambil risiko fizikal yang besar untuk mendapatkan bukti kelakuan Defendant, selaras dengan hasrat mereka untuk menghentikan penindasan sistematik di Sabah.
- Plaintiff tahun 2018 dan 2020 memperincikan kemenangan interlokutori mereka sebelum ini.
- Hampir empat tahun selepas pemfailan pada Oktober 2018, perbicaraan Siti Nafirah binti Siman (“litigasi 2018”) akan bermula pada 12 September hingga 15 September 2022. Hampir dua tahun selepas pemfailan pada Disember 2020, Rusiah binti Sabdarin, Calvina binti Angayung, dan Nur Natasha Allisya binti Hamal (“litigasi 2020”) memulakan perbicaraan mereka pada 5 September 2022.
- Kedua-dua perbicaraan diadakan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Orang awam dan media dibenarkan hadir. Kedua-dua litigasi kepentingan awam 2018 & 2020 difaiklan di bawah Tetuan Roxana & Co.

Selepas berdekad-dekad dakwaan dikemukakan tetapi sangat sedikit insiden yang terbukti, tiga orang wanita Kota Belud yang berusia 20 tahun telah melakukan perkara yang mustahil. Yang dibentangkan hari ini ialah permohonan injunksi mereka yang bersejarah dan berjaya terhadap Kementerian Pendidikan, bekas guru Bahasa Inggeris mereka, Mohd Jainal bin Jamran, dan bekas pengetua mereka, Hj. Suid bin Hj. Hanapi.

Plaintif 2020 memfailkan litigasi mereka pada Disember 2020, tetapi Defendant hanya memfailkan Pembelaan mereka pada Jun 2021, berbulan-bulan selepas jangkaan masa untuk pemfailan daripada Defendant. Dalam bulan-bulan antara Januari 2021 dan April 2021, Defendant telah mengambil langkah di luar kehakiman untuk cuba memaksa Plaintiff menarik balik litigasi mereka terhadap Defendant, untuk mengintimidasi / mengganggu rakan sekelas yang juga saksi, dan untuk menekan keluarga Plaintiff supaya menentang anak mereka sendiri.

Pada April 2021, Rusiah binti Sabdarin sebagai Plaintiff pertama dan sasaran utama Defendant, memfailkan permohonan injunksi luar biasa terhadap bekas gurunya, bekas pengetuanya, Ketua Pengarah Pendidikan dan Menteri Pendidikan (dua pihak terakhir mewakili Kementerian Pendidikan).

Semasa perbicaraan permohonan injunksi pada Ogos 2021, **Penasihat Kanan Undang-undang Persekutuan tidak membantah permohonan injunksi itu**. Selepas itu, YA Pesuruhjaya Kehakiman (kini Hakim Mahkamah Tinggi) Leonard David Shim memberarkan permohonan injunksi Plaintiff. Injunksi bersejarah terhadap seluruh Kementerian Pendidikan dan pegawainya ini, yang tidak pernah berlaku, akhirnya memberikan bukti Mahkamah tentang corak yang sudah sekian lama dialami oleh ribuan rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Apabila rakyat bangkit, kita diberitahu untuk menggunakan “saluran yang betul”. Namun apabila rakyat Malaysia yang paling muda dan paling berani menggunakan saluran yang betul untuk memfailkan perbicaraan yang bebas dan adil supaya kedua-dua pihak boleh mengemukakan bukti, membawa saksi, dan berhujah tentang merit tuntutan, Defendan pula mula “menjejaskan pentadbiran keadilan yang sewajarnya.

Plaintif menyatakan bahawa injunksi bersejarah terhadap Kementerian Pendidikan ini, yang dikeluarkan atas sebab “menjejaskan pentadbiran keadilan yang sewajarnya” semasa prosiding Mahkamah, merupakan contoh gambaran terbaik mengapa Kementerian Pendidikan, dan seluruh Cawangan Eksekutif, tidak patut lagi membuat (dan tidak sepatutnya mempunyai kuasa untuk memulakan) siasatan ke atas salah laku mereka, dan menunjukkan peri pentingnya pihak pengadu (*whistleblower*) diberikan perlindungan juga daripada badan bebas.

Plaintif memohon agar Ombudsman Awam, iaitu institusi neutral yang bebas seperti “Pembela Rakyat”, dilaksanakan dengan segera tanpa memberikan kesempatan kepada golongan yang berkuasa atau kaya dan tanpa ada campur tangan daripada perkhidmatan awam mahupun ahli politik. Institusi ini akan menyiasat salah laku secara bebas dan adil dan memberarkan hukuman yang setimpal dikenakan ke atas mana-mana pihak. Ombudsman Awam sebegini juga merupakan satu-satunya cara yang dapat benar-benar melindungi pihak pengadu terhadap guru; kebanyakan pengadu ini berada dalam situasi yang sama dengan Plaintiff Rusiah binti Sabdarin.

Plaintif merakamkan penghargaan mereka kepada pasukan guaman mereka, media tempatan Malaysia, aktivis #MakeSchoolsASaferPlace, dan guru mereka serta sekutu antara pegawai KPM yang juga bertindak sebagai pengadu. Dengan bantuan mereka, satu duluan (*precedent*) bersejarah telah didirikan terhadap Kementerian Pendidikan.

Kami memetik beberapa perenggan daripada **permohonan injunksi yang berjaya itu** dan **Afidavit** Rusiah binti Sabdarin; dalamnya dia dengan beraninya telah mengumpulkan bukti audio dan tangkapan skrin berkenaan tindakan Defendant. Sesetengah maklumat telah dirahsiakan kepada pihak undang-undang untuk melindungi saksi dan keluarga mereka. Huruf tebal / penekanan yang dibuat pada teks merupakan tambahan kami.

4. Pada 23.12.2020, Pengetua SMK Tuan Gusi, Encik Nuzie Bin Hj Balus (“Pengetua”) menghubungi bapa saya untuk berjumpa denganannya di sekolah bagi membincangkan kes ini. Saya ingin mengatakan bahawa selepas bapa saya pulang daripada perjumpaan dengan Pengetua, bapa saya mula menekan saya untuk menggugurkan kes ini bagi “membersihkan namanya”. **Pengetua juga mendesak bapa saya agar meyakinkan saya untuk menggugurkan kes ini dan jika saya kalah dalam kes ini, saya pasti akan dimasukkan ke pusat tahanan juvenil.** Ancaman dan intimidasi psikologi ini telah mendorong saya untuk merakam sebarang perbualan pada masa hadapan.

7. Pada 22.01.2021, **atas permintaan Pengetua**, saya berjumpa dengan Pengetua di pejabatnya. Dalam perjumpaan tersebut, **tiga orang guru juga hadir**, iaitu Encik Roslan bin Asang, Yusof bin Rakunman, Mohd Sabanah Bin Abdul Rahman. Semasa perjumpaan itu, perkara berikut, antara yang lain, telah dikatakan kepada saya:

- a. **Pengetua dan Cikgu Roslan memberitahu saya supaya tidak merakam perbualan itu;**
- b. Pengetua mengugut dengan mengatakan bahawa dia mempunyai kuasa dan autoriti untuk mengambil tindakan disiplin terhadap saya. Pengetua mengungkit hal ketidakhadiran saya ke kelas. Saya sesungguhnya percaya bahawa disebabkan kesan pandemik global, pelajar lain juga mengalami nasib yang sama seperti saya dan tidak dapat menghadiri kelas tertentu. Tambahan pula, ketidakhadiran saya juga disebabkan oleh bapa saya yang tidak sihat. Walau bagaimanapun, pada masa material, **saya hanya tidak hadir ke sekolah untuk satu kali.** Saya juga percaya bahawa pengetua menganiaya saya dengan ugutan tindakan disiplin atau pembuangan sekolah, dan **tidak akan mengugut pelajar lain dengan cara yang sama hanya kerana tidak hadir ke sekolah untuk satu kali.** Pengetua juga telah mengugut hendak menggunakan ketidakhadiran saya dari tahun-tahun sebelumnya. Sebelum memfaillkan kes saya, Pengetua dan guru-guru **tidak pernah mengeluarkan surat amaran atau menunjukkan keprihatinan tentang ketidakhadiran saya.** Saya sesungguhnya percaya bahawa hal ini dibangkitkan untuk menimbulkan ketakutan dan memaksa saya menarik diri daripada kes ini.
- c. Pengetua dan Cikgu Yusuf bertanyakan sama ada saya ada CCTV di rumah saya atau tidak. Saya mendapati soalan ini sangat menakutkan kerana mereka sedang menyiasat keselamatan rumah saya. Saya sesungguhnya percaya bahawa sama ada rumah saya mempunyai CCTV atau tidak, ini tidak ada kena-mengena dengan tugas mereka sebagai guru atau kakitangan kerajaan. **Saya juga sesungguhnya percaya bahawa soal siasat ini bertujuan mengimplikasikan bahawa keselamatan rumah saya terancam.**

14. Saya juga ingin mengatakan bahawa kelakuan Pengetua dan permintaannya agar saya mematikan telefon semasa perjumpaan itu jelas menunjukkan bahawa dia menyedari dia tidak sepatutnya menangani isu itu dengan cara yang dilakukannya dan akan terus berbuat demikian sekiranya dia tidak percaya bahawa bukti perjumpaan sedemikian tidak akan ditangkap.

Kesemua tindakan ini bersamaan dengan campur tangan proses Mahkamah. Kami selanjutnya memetik daripada pemfailan undang-undang,

10. Saya telah dinasihati oleh peguam cara saya dan sesungguhnya percaya bahawa **bukan sebahagian daripada tugas rasmi** Pengetua dan guru-guru yang disebut di atas untuk mengadakan **perjumpaan tertutup dengan pihak litigan bagi membincangkan kes mahkamah tanpa kehadiran peguam cara**, walaupun pihak litigan itu seorang pelajar.

11. Saya telah dinasihati oleh peguam cara saya dan sesungguhnya percaya bahawa Pengetua dan guru-guru yang disebut di atas tidak sepatutnya cuba bertindak sesuka hati sehingga akan memintasi proses mahkamah dengan menekan dan mengugut saya agar melepaskan tuntutan saya terhadap tuan dan/atau majikan mereka, iaitu Defendan ke-3, ke-4 dan ke-5.

12. Saya telah dinasihati oleh Peguam cara saya dan sesungguhnya percaya bahawa tindakan Pengetua dan guru-guru lain yang disebut di atas berniat untuk menjelaskan pentadbiran keadilan yang sewajarnya dan/atau untuk menghalang pihak litigan menggunakan sistem keadilan.

20. Saya telah dinasihati oleh peguam cara saya dan sesungguhnya percaya bahawa keseimbangan kemudahan (*balance of convenience*) terletak pada Plaintiff. Sekiranya terus berlaku gangguan, paksaan, dan ugutan daripada pihak Defendan, sama ada daripada mereka sendiri atau melalui orang bawahan atau ejen mereka, ada kemungkinan semua Plaintiff, termasuk saya sendiri, akan menarik balik kes ini.

23. Saya ingin mengatakan bahawa injunksi interim seperti yang dipohon sama sekali tidak akan mengganggu pelaksanaan tugas awam dan hanya terhad kepada hal-hal di luar tugas mereka sebagai guru, pengetua, atau pentadbir bagi Defendan ke-5.

Perintah Injunksi ini akan berkekalan sepanjang tempoh prosiding undang-undang. Sekatan termasuk:

1. Defendan dan/atau ejen mereka dihalang dan dilarang untuk mendekati, campur tangan dalam, mengganggu, mengacau, dan/atau memaksa mana-mana Plaintiff atau ahli keluarga mereka.
2. Defendan dan/atau ejen mereka dihalang dan dilarang untuk mendekati Plaintiff dan rumah kediaman mereka dalam jarak 500 meter.

3. Defendan dan/atau ejen mereka dihalang dan dilarang untuk menghantar mesej, penyataan, panggilan telefon, atau apa-apa cara telekomunikasi lain yang tidak diminta kepada Plaintiff dan keluarga mereka.

Perintah Injunksi ini dikeluarkan terhadap Defendan pertama hingga Defendan ke-4 dalam litigasi Mahkamah Tinggi 2020, dengan demikian juga terhadap Defendan pertama, ke-2, ke-6, dan ke-7 bagi litigasi Mahkamah Tinggi 2018.

NOTIS

(Menurut Aturan 45 kaedah 7 bagi Kaedah-kaedah Mahkamah 2012)

Jika anda, yang bernama MOHD JAINAL BIN JAMRAN, Defendan pertama yang dinamakan di atas, ingkar akan perintah ini, anda akan dikenakan proses pelaksanaan bagi memaksa anda mematuhi perintah yang sama.

Jika anda, yang bernama HJ. SUID BIN HJ. HANAPI, Defendan ke-2 yang dinamakan di atas, ingkar akan perintah ini, anda akan dikenakan proses pelaksanaan bagi memaksa anda mematuhi perintah yang sama.

Jika anda, KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA, Defendan ke-3 yang dinamakan di atas, ingkar akan perintah ini, anda akan dikenakan proses pelaksanaan bagi memaksa anda mematuhi perintah yang sama.

Jika anda, MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA, Defendan ke-4 yang dinamakan di atas, ingkar akan perintah ini, anda akan dikenakan proses pelaksanaan bagi memaksa anda mematuhi perintah yang sama.

Siti Nafirah binti Siman juga mengulangi tiga kemenangannya atas Defendan dalam litigasi prabdicara. Walaupun Defendan mengemukakan hujah menentangnya setiap kali, tetapi Hakim Mahkamah Tinggi, YA Ismail Brahim, memihak kepada Siti Nafirah setiap kali: permohonan Penzahiran olehnya, Permohonan untuk Butir Lanjut dan Jelas olehnya, dan Penolakan terhadap Permohonan Pembatalan oleh Defendan (tanpa pembatalan Defendan 3, SMK Taun Gusi).

Fakta Penting untuk Laporan Anda:

1. SMK Taun Gusi terletak di **Kota Belud**, Sabah. Sekolah ini kini menjadi subjek bagi dua perbicaraan Mahkamah Tinggi. Kota Belud, Sabah, merupakan satu daripada 10 daerah termiskin di seluruh Malaysia.¹
2. Empat Plaintiff Mahkamah Tinggi semuanya bekas pelajar Defendan pertama. Peristiwa yang didakwa itu berlaku pada 2015 untuk litigasi 2018; pada 2017 untuk litigasi 2020.
3. Siti Nafirah binti Siman berumur 22 tahun; dia berada di kelas 4 PD (Perdagangan). Siti Nafirah ialah Ketua Kelas 4 PD.
4. Rusiah binti Sabdarin berumur 21 tahun; dia berada di kelas 4 SS (Sains Sukan). Rusiah ialah Ketua Kelas 4 SS.

For further clarification or questions, please contact hakpendidikan@gmail.com

5. Nur Natasha Allisya binti Hamali berumur 21 tahun; dia berada di kelas 4 SS (Sains Sukan). Nur Natasha ialah seorang Pengawas di SMK Taun Gusi.
6. Calvina binti Angayung berumur 21 tahun; dia berada di kelas 4 SS (Sains Sukan). Dia ialah Ketua Pengawas SMK Taun Gusi.
7. Pegawai Defendan Nuzie Bin Hj Balus ialah pengetua SMK Taun Gusi semasa injunksi 2021. Bagi dakwaan guru tidak hadir kelas secara melampau pada 2015 dan 2017, pengetua SMK Taun Gusi pada masa itu ialah Defendan ke-2 Haji Suid bin Haji Hanapi.

Ringkasan Tuntutan

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu

[BKI-22NCvC-101/10-2018](#)

Plaintif: Siti Nafirah binti Siman
Bekas pelajar SMK Taun Gusi
Tingkatan 4 Perdagangan “4PD” pada tahun 2015

DEFENDAN

D1 — Mohd Jainal bin Jamran

Guru Bahasa Inggeris kelas Tingkatan 4 Perdagangan; kakitangan Kementerian Pendidikan

D2 — Hj. Suid Bin Hj. Hanapi

Pengetua SMK Taun Gusi; kakitangan Kementerian Pendidikan

D3 — Sekolah Menengah Kebangsaan Taun Gusi

Sekolah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan

D4 — Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud

Pegawai Kementerian Pendidikan peringkat daerah

D5 — Director of Education, Sabah

Pegawai Kementerian Pendidikan peringkat negeri

D6 — Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Penasihat kepada Menteri Pendidikan

D7 — Menteri Pendidikan Malaysia

Jawatan tertinggi dalam Kementerian Pendidikan

D8 — Government of Malaysia

Majikan dan/atau prinsipal bagi kesemua defendan di atas; pembela Perlembagaan Persekutuan

UNDANG-UNDANG YANG DILANGGAR

Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

- Peraturan 3A, 3C(1), 3C(2), 23, 24, 25
- Dilanggar oleh D1, D2, D4, D5, D6, D7, D8

Akta Pendidikan 1996

- Gagal menyediakan peperiksaan, tindakan yang menyalahi undang-undang dan peninggalan (omissions), tidak mengambil sebarang tindakan munasabah, hak ke atas pendidikan berkualiti
- Dilanggar oleh D1, D2, D4, D5, D6, D7, D8

Misfeasans (Salah Guna Kuasa) dalam Jawatan Awam

- Melakukan tindakan menyalahi undang-undang dan secara sengaja menyebabkan kecederaan & kerugian semasa memegang jawatan sebagai pegawai awam
- Dilakukan oleh D1, D2, D4, D5, D6, D8

Perlembagaan Persekutuan

- Melanggar artikel 5 & 12 yang berkenaan hak pendidikan: tidak mengambil sebarang tindakan munasabah untuk mengelakkan, tindakan yang sengaja dan disertai niat dan/atau peninggalan, mempunyai pengetahuan atau cara memperoleh pengetahuan berkenaan kemudaratannya yg dilakukan
- Dilanggar oleh D1, D2, D4, D5, D6, D7, D8

Konvensyen Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu

(disahkan oleh Malaysia pada tahun 1995)

- Semua artikel yang berkaitan, termasuk hak pendidikan
- Dilanggar oleh D1, D2, D4, D5, D6, D7, D8

FEBRUARI 2015

- D1 berhenti memasuki kelas Bahasa Inggeris 4 PD

MAC 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pegawai pendidikan peringkat daerah, negeri, dan kebangsaan telah dimaklumkan (D4, D5, D6, D7)

APRIL 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Plaintiff merayu kepada pembantu sekolah
- Pengetua dimaklumkan; pegawai pendidikan negeri **sekali lagi** dimaklumkan (D2, D5)

MEI 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD

JUN 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pegawai pendidikan daerah **sekali lagi** dimaklumkan (D4)

JULAI 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pegawai pendidikan negeri sekali lagi dimaklumkan; mengaku bahawa beliau sedar tentang salah laku jangka panjang di sekolah (D5)
- Plaintiff sekali lagi merayu kepada pembantu sekolah

OGOS 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD, kecuali untuk satu minggu
- Pengetua **sekali lagi** dimaklumkan; nampak buku kehadiran 4 PD yang kosong; pegawai pendidikan peringkat daerah, negeri, dan Kementerian **sekali lagi** dimaklumkan, melawat sekolah, & enggan berjumpa dengan pelajar-pelajar 4 PD (D2, D4, D5, D6, D7, D8)
- Pengetua, pegawai pendidikan daerah mengadakan mesyuarat dan memohon pencerapan sendiri selama dua minggu; kedua-dua pihak mendakwa tidak mengetahui ketidakhadiran D1 sehingga salah dua minggu yang lalu; D1 dipanggil untuk disoal, namun enggan menjelaskan salah laku (D1, D2, D4)

SEPTEMBER 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pegawai pendidikan daerah **sekali lagi** dimaklumkan dan melawat sekolah, enggan berbincang tentang ketidakhadiran D1 yang berlanjut (D4)

OKTOBER 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pengetua berjumpa dengan kelas 4 PD; membuat ancaman untuk membatalkan semua kelas Bahasa Inggeris yang berikutnya melainkan pelajar mengaku bertanggungjawab atas ketidakhadiran D1 dan menulis ulasan yang baik tentang D1; dalam keadaan terdesak dan takut, pelajar menandatangani pernyataan-pernyataan sedemikian (D2)
- Pengetua mengarahkan D1 untuk memalsukan tanda tangan kehadiran kelas Bahasa Inggeris 4 PD; mendakwa hanya tidak hadir selama dua bulan, bertentangan dengan keadaan sebenar, iaitu tujuh bulan (D1, D2)

REMEDI

1. **Pengisyiharan bahawa** D1, D2, D4, D5, D6, D7, & D8 telah melanggar kewajipan statutori mereka di bawah Akta Pendidikan dengan (1) gagal mengajar Plaintiff Bahasa Inggeris dari Februari hingga Oktober 2015 dan (2) gagal menyediakan dia untuk peperiksaan. Begitu juga, mereka (3) mencabuli hak perlembagaan Plaintiff untuk menerima pendidikan di bawah Artikel 5 & 12 dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. **Pengisyiharan bahawa** D2, D4, & D5 (4) melanggar tugas mereka di bawah Peraturan 3C, 25, & 26 dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
3. **Pengisyiharan bahawa** tindakan oleh D1, D2, D4, D5, & D6 (5) merupakan misfeasans (salah guna kuasa) dalam jawatan awam.
4. Ganti Rugi dalam bentuk Teladan (Exemplary), Umum (General), & Kerosakan Teruk (Aggravated); kos; & apa-apa bentuk kelegaan yang dianggap sesuai dan wajar.

Ringkasan Tuntutan

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu

[BKI-22NCvC-88/11-2020](#)

Hakim: YA Tuan Leonard David Shim

Judicial Commisioner

High Court of Kota Kinabalu

Plaintif 2: Nur Natasha Allisya binti Hamali

Tingkatan 4 Sains Sukan "4 SS" pada tahun 2017

Bekas pelajar SMK Taun Gusi dan pengawas

UNDANG-UNDANG YANG DILANGGAR

Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

- Peraturan 3A, 3C(1), 3C(2), 23, 24, 25
- Dilanggar oleh **D1, D2**

Akta Pendidikan 1996

- Gagal menyediakan peperiksaan, tindakan yang menyalahi undang-undang dan peninggalan (omissions), tidak mengambil sebarang tindakan munasabah, hak ke atas pendidikan berkualiti
- Dilanggar oleh **D1, D2, D3, D4, D5**

Misfeasans (Salah Guna Kuasa) dalam Jawatan Awam

- Melakukan tindakan menyalahi undang-undang dan secara sengaja menyebabkan kecederaan & kerugian semasa memegang jawatan sebagai pegawai awam
- Dilanggar oleh **D1, D2, D3, D4, D5**

Perlembagaan Persekutuan

- Melanggar artikel 5 & 12 yang berkenaan hak pendidikan: tidak mengambil sebarang tindakan munasabah untuk mengelakkan, tindakan yang sengaja dan disertai niat dan/atau peninggalan, mempunyai pengetahuan atau cara memperoleh pengetahuan berkenaan kemudaratannya yg dilakukan
- Dilanggar oleh **D1, D2, D3, D4, D5**

Konvensyen Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu

(disahkan oleh Malaysia pada tahun 1995)

- Semua artikel yang berkaitan, termasuk hak pendidikan
- Dilanggar oleh **D5**

REMEDY

1. Deklarasi bahawa **D1, D2, D3, D4, & D5** telah melanggar kewajipan statutori mereka di bawah Akta Pendidikan dengan (1) gagal mengajar Plaintiff-plaintiff Bahasa Inggeris dari Mac hingga Oktober 2017 & (2) gagal menyediakan dia untuk peperiksaan. Begitu juga, mereka (3) mencabuli hak perlembagaan Plaintiff-plaintif untuk menerima pendidikan di bawah Artikel 5 & 12 dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Deklarasi bahawa **D2** (4) melanggar tugas mereka di bawah Peraturan 3C, 25, & 26 dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
3. Pengisytiharan bahawa tindakan oleh **D1 dan D2** (5) merupakan misfeasans (salah guna kuasa) dalam jawatan awam.
4. Ganti Rugi dalam bentuk Teladan (Exemplary), Umum (General), & Kerosakan Teruk (Aggravated); kos; & apa-apa bentuk kelegaan yang dianggap sesuai dan wajar.

Plaintif 1: Rusiah binti Sabdarin

Tingkatan 4 Sains Sukan "4 SS" pada tahun 2017

Bekas pelajar SMK Taun Gusi dan ketua kelas

Plaintif 3: Calvina binti Angayung

Tingkatan 4 Sains Sukan "4 SS" pada tahun 2017

Bekas pelajar SMK Taun Gusi dan ketua pengawas

DEFENDAN

D1 — Mohd Jainal bin Jamran

Guru Bahasa Inggeris kelas Tingkatan 4 Sains Sukan; kakitangan Kementerian Pendidikan

D2 — Hj. Suid bin Hj. Hanapi

Pengetua SMK Taun Gusi; kakitangan Kementerian Pendidikan [telah bersara]

D3 — Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Penasihat kepada Menteri Pendidikan

D4 — Menteri Pendidikan Malaysia

Jawatan tertinggi dalam Kementerian Pendidikan

D5 — Kerajaan Persekutuan Malaysia

Majikan dan/atau prinsipal bagi kesemua defendan di atas; pembela Perlembagaan Persekutuan

MAC 2017

- **D1** tidak hadir secara berkala, lewat masuk ke kelas dan jika masuk kelas, **D1** meninggalkan kelas lebih awal dari masa sepatutnya di kelas 4 Sains Sukan.
- Plaintiff berulang kali berjumpa dan/atau sentiasa menunggu untuk **D1** masuk kelas, tetapi **D1** enggan masuk kelas.

APRIL 2017

- **D1** tidak hadir secara berkala, lewat masuk ke kelas dan jika masuk kelas, **D1** meninggalkan kelas lebih awal dari masa sepatutnya di kelas 4 Sains Sukan. Plaintiff berulang kali berjumpa dan/atau sentiasa menunggu untuk **D1** masuk kelas, tetapi **D1** enggan masuk kelas.

MEI 2017

- **D1** tidak hadir secara berkala, lewat masuk ke kelas dan jika masuk kelas, **D1** meninggalkan kelas lebih awal dari masa sepatutnya di kelas 4 Sains Sukan. Plaintiff berulang kali berjumpa dan/atau sentiasa menunggu untuk **D1** masuk kelas, tetapi **D1** enggan masuk kelas.
- Plaintiff ke-3 memaklumkan **D2** tentang masalah **D1; D2** enggan mengambil tindakan terhadap **D1** atau menyediakan guru ganti di kelas 4 Sains Sukan.

JUN 2017

- **D1** tidak hadir secara berkala, lewat masuk ke kelas dan jika masuk kelas, **D1** meninggalkan kelas lebih awal dari masa sepatutnya di kelas 4 Sains Sukan. Plaintiff berulang kali berjumpa dan/atau sentiasa menunggu untuk **D1** masuk kelas, tetapi **D1** enggan masuk kelas.

JULAI 2017

- Pada mulanya, **D1** tidak hadir secara berkala, lewat masuk ke kelas dan jika masuk kelas, **D1** meninggalkan kelas lebih awal dari masa sepatutnya di kelas 4 Sains Sukan. Plaintiff berulang kali berjumpa dan/atau sentiasa menunggu untuk **D1** masuk kelas, tetapi **D1** enggan masuk kelas.
- Apabila sampai pertengahan julai dan seterusnya, **D1** tidak masuk ke kelas sepenuhnya.

MAC HINGGA OKTOBER 2017

- Kesemua plaintiff telah memaklumkan beberapa guru dan pihak pentadbir tentang salahlaku **D1**. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil sama ada terhadap **D1** maupun guru ganti di kelas 4 SS.